

13 SEP 1996

BEBERAPA PENCALONAN UMNO MUNGKIN DIBATALKAN

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Beberapa calon yang merebut jawatan pada pemilihan Umno bulan depan menghadapi kemungkinan tidak layak bertanding.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat menyatakan kemungkinan ini kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah hari ini. Dr Mahathir berlepas ke Zimbabwe untuk menghadiri Sidang Kemuncak Solar Dunia di Harare esok.

"Kita akan tahu Isnin ini...mungkin akan ada beberapa pembatalan pencalonan," katanya semasa ditanya sama ada mana-mana calon menarik diri daripada pemilihan parti setakat ini.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut perkara itu.

Esok merupakan tarikh akhir bagi calon-calon Umno menerima atau menolak tawaran rasmi untuk bertanding dalam pemilihan parti, selepas nama-nama mereka dicalonkan oleh Umno bahagian.

Ibupejabat parti di sini memberikan mereka dua minggu sejak 1 Sept untuk mengambil surat tawaran mereka dan memberikan jawapan dalam tempoh itu. Selepas itu satu senarai rasmi calon-calon akan dikeluarkan dan mereka tidak lagi dibenarkan menarik diri.

Baru-baru ini Mohamed juga mengingatkan calon-calon bahawa Umno akan mengambil tindakan tegas terhadap calon-calon yang melanggar disiplin parti terutama dengan melibatkan diri dalam politik wang dan berkempen bagi pemilihan itu.

Ibupejabat parti juga sedang merujuk dengan Pemegang Harta untuk memastikan calon-calon dan perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung Umno bulan depan tidak muflis. Parti itu melarang mereka yang muflis mengambil bahagian pada perhimpunan itu. -- BERNAMA

AFY RON